



MAJLIS PERBANDARAN
KAJANG

2023

PELAN PENGURUSAN RISIKO

MAJLIS PERBANDARAN KAJANG

Versi 2.4

Disediakan oleh:



Unit Perancangan Korporat dan
Perhubungan Awam



korporat@mpkj.gov.my

VERSI DOKUMEN

NO RUJUKAN : PPR_MPKj/2023

VERSI : Versi 2.4

TARIKH : 08 SEP 2023

DISEDIAKAN OLEH

TANDA TANGAN :



NAMA : MUQNI MUBARAK BIN ANWAR MUBARAK

JAWATAN : PEGAWAI RISIKO
MAJLIS PERBANDARAN KAJANG

TARIKH : 08 SEP 2023

DISEMAK OLEH

TANDA TANGAN :



NAMA : MOHD FAREEZ BIN MOHD ARISS @ MOHD HATTA

JAWATAN : TIMBALAN YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN KAJANG

TARIKH : 08 SEP 2023

DILULUSKAN OLEH

TANDA TANGAN :



NAMA : HAJI NAJMUDDIN BIN JEMAIN, S.M.S

JAWATAN : YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN KAJANG

TARIKH : 08 SEP 2023

**PELAN PENGURUSAN RISIKO
MAJLIS PERBANDARAN KAJANG
(MPKJ) 2023**

KANDUNGAN

SINGKATAN	I
1.0 PENDAHULUAN	1-3
1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF	1
1.2 PENGENALAN	2
1.3 HALA TUJU STRATEGIK	3
2.0 POLISI PENGURUSAN RISIKO	4-13
2.1 DEFINISI	4
2.2 OBJEKTIF	7
2.3 MODEL PENGURUSAN RISIKO	8
2.4 KERANGKA PROSES	9
2.5 PEMEGANG TARUH DAN PELANGGAN	10
2.6 SEMPADAN RISIKO	11
2.7 INDEKS IMPAK	12
2.8 INDEKS KEBARANGKALIAN	13
3.0 MEKANISMA PENGURUSAN RISIKO	14-16
3.1 JAWATANKUASA INDUK	14
3.2 JAWATANKUASA PELAKSANA	15
3.3 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB	16

**PELAN PENGURUSAN RISIKO
MAJLIS PERBANDARAN KAJANG
(MPKJ) 2023**

KANDUNGAN

4.0	PROSES PENGURUSAN RISIKO	18-24
4.1	PROSES	18
4.2	PENILAIAN RISIKO	19
4.3	KAWALAN RISIKO	20
4.4	PEMANTAUAN DAN KAJIAN SEMULA	21
4.5	KOMUNIKASI	24
5.0	PENUTUP	25



SINGKATAN

- CRIO - Chief Risk Officer
- JIPR - Jawatankuasa Induk Pengurusan Risiko
- JPPR - Jawatankuasa Perlaksana Pengurusan Risiko
- PBT - Pihak Berkuasa Tempatan
- MPKj - Majlis Perbandaran Kajang
- T - Tinggi
- B - Besar
- S - Sederhana
- R - Rendah
- GIS - Geographic Information System
- JPN - Jabatan Pendaftaran Negara
- OKS - Orang Kena Saman
- PBT - Pihak Berkuasa Tempatan
- SOP - Standard Operating Procedure
- TPRN - Timbalan Pendakwaraya Negeri



1.0 PENDAHULUAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Pengurusan Risiko ini diwujudkan dengan objektif utama adalah untuk mengenal pasti risiko serta menganalisa kesan dan akibat sekiranya sesuatu risiko itu terjadi. Perancangan seterusnya diatur bagi pelaksanaan tindakan-tindakan kawalan, tindakan alternatif dan penambahbaikan dalam mengawal risiko tersebut daripada terus mengakibatkan impak yang buruk. Pelan ini merupakan satu persediaan yang dirancang bagi menghadapi cabaran dalaman dan luaran jabatan dari pelbagai aspek.

Pelan tindakan yang telah dirancang memerlukan komitmen dan penglibatan daripada semua pihak dengan melaksanakannya penuh bersungguh-sungguh dan dedikasi.

Di samping itu, proses penambahbaikan dan semakan semula pelan perlu dilaksanakan dari semasa ke semasa untuk memastikan keberkesanannya mencapai tahap yang ditetapkan dan sesuai dengan polisi-polisi baru yang digubal pada masa akan datang. Dengan terhasilnya pelan ini, maka kesiapsiagaan dalam menghadapi bencana dapat dipertingkatkan dan meminimalkan risiko-risiko yang ada di Majlis Perbandaran Kajang.

Pengurusan risiko yang berkesan akan mengurangkan kekerapan berlakunya gangguan dan meminimumkan kesan insiden risiko terhadap penyampaian perkhidmatan utama agensi. Menerusi pelaksanaan pengurusan risiko, risiko dapat dikenalpasti dan ditangani dengan lebih cekap.



1.2 PENGENALAN

Majlis Perbandaran Kajang telah merangka satu Pelan Pengurusan Risiko bagi memastikan kualiti penyampaian perkhidmatan mencapai tahap yang terbaik dengan mengenalpasti, menilai dan mengawal kebarangkalian berlakunya risiko yang boleh menjejaskan VISI, MISI dan objektif perkhidmatan Majlis Perbandaran Kajang. Matlamat utama pengurusan risiko adalah untuk meningkatkan kesedaran keseluruhan warga organisasi MPKj terhadap kewujudan apa jua risiko dalam melaksanakan tugas harian, mengurangkan kekerapan berlakunya kemalangan/ kejadian dan impak kemalangan/ kejadian ketika menyampaikan perkhidmatan MPKj.

Pelan Induk Pengurusan Risiko Majlis Perbandaran Kajang ini telah dirangka bersesuaian dengan hala tuju strategik MPKj bagi memastikan sistem penyampaian yang cekap, telus dan mesra terlaksana.

Pelan Pengurusan Risiko ini merupakan mekanisme terbaik yang boleh digunakan dalam memberi gambaran risiko bagi setiap proses kerja utama yang boleh menghalang jabatan mencapai halatuju dan objektif yang telah ditetapkan dengan mengenal pasti risiko melalui penilaian ke atas proses serta operasi melalui percambahan fikiran dengan mengambilkira semua jenis risiko yang berlaku di MPKj.

Kerjasama dengan semua lapisan warga MPKj amat penting bagi memastikan kelancaran dan keberkesanan segala tindakan dan penelitian pelan risiko agar mendapat keputusan yang positif dan perkhidmatan MPKj menjadi lebih baik.



MISI DAN VISI

1.3 HALA TUJU STRATEGIK



VISI

Bandaraya Berdaya Huni, Menjana
Ekonomi Negara



MOTO

Perbandaran Harmoni Memberdaya
Ekonomi Mampan



MISI

Pembangunan seimbang yang
menekankan konsep dayahuni serta
kehidupan lestari penjanaan ekonomi
setempat ke arah Bandaraya Sejahtera



2.0 POLISI PENGURUSAN RISIKO

2.1 DEFINISI

Mengikut Kamus Dewan, “risiko” didefinisikan sebagai kemungkinan atau bahaya kerugian, kemungkinan mendapat bahaya atau kerugian. Risiko didefinisikan sebagai kemungkinan kerugian, kemalangan, kelemahan dan keruntuhan dan pengurusan risiko pula didefinisikan sebagai pengurusan menyeluruh yang proaktif dalam aktiviti bagi sesuatu program dan kemungkinan menerima kegagalan dalam program berkenaan.

Pengurusan risiko ialah proses menggunakan analisis risiko untuk membuat keputusan bagi mencapai objektif bagi sesuatu projek dengan menerima sebahagian daripada risiko. Dengan itu pengurusan risiko adalah melibatkan analisis, mengenalpasti dan penilaian projek atau program dan pembangunan strategi untuk melihat keberkesanan kos serta pelan tindakan bagi menghindarkan dan kesediaan menerima risiko. Berikut adalah definisi yang berkaitan dengan Pelan Pengurusan Risiko Majlis Perbandaran Kajang (MPKj):





JENIS-JENIS RISIKO

KEWANGAN

KESELAMATAN

OPERASI

PERSEKITARAN

KESIHATAN

POLITIK

TEKNOLOGI

PERUNDANGAN

REPUTASI



Pengurusan Risiko

Pengurusan risiko berdasarkan polisi, prosedur dan amalan dalam tugas-tugas menganalisis, menilai dan mengawal risiko yang diaplikasikan secara sistematik.

Ancaman

Kecederaan fizikal atau kecacatan terhadap kesihatan manusia atau kerosakan terhadap harta benda dan persekitaran.

Bahaya

Sumber yang berpotensi untuk menyebabkan bahaya.

Risiko

Kombinasi kebarangkalian terjadinya bencana dan kesan tersebut.

Analisis Risiko

Penggunaan maklumat sedia ada untuk mengenal pasti bahaya dan jangkakan risiko secara sistematik.

Kawalan Risiko

Satu proses yang dilaksana berdasarkan cadangan-cadangan yang dapat diputuskan dan langkah-langkah pencegahan dilaksanakan untuk mengurangkan risiko atau mengekalkan risiko pada tahap yang dikenalpasti.



2.2 OBJEKTIF

Meningkatkan tahap kepuasan serta kepercayaan pelanggan dan stakeholder MPKj.	01 Memantapkan pengurusan dan pentadbiran MPKj.
Menyediakan satu prosedur operasi standard.	02 03 Mewujudkan suasana persekitaran yang selamat dan kondusif.
05	04 Menyediakan satu sistem kawalan bersepadu dan berterusan.



2.3 MODEL PENGURUSAN RISIKO

MENDAPATKAN PERSETUJUAN PENGURUSAN TERTINGGI

- STRUKTUR PENGURUSAN RISIKO
- POLISI PENGURUSAN RISIKO
- TERMA RUJUKAN
- JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO

DOKUMEN PENGURUSAN RISIKO

- MANUAL PELAKSANAAN MS ISO 9001:2015
- PELAN PENGURUSAN RISIKO MPKj

MELAKSANAKAN PROGRAM PENGURUSAN RISIKO

- PROGRAM KESEDARAN DAN LATIHAN
- PROGRAM LATIHAN/ UJIAN
- PROGRAM PENYELENGGARAAN & PENGURUSAN RISIKO

PENILAIAN DAN STRATEGI KAWALAN

- MENGENALPASTI RISIKO
- MENENTUKAN STRATEGI KAWALAN

PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN

- PENILAIAN PENGURUSAN RISIKO
- PEMANTAUAN PENGURUSAN RISIKO



2.4 KERANGKA PROSES





2.5 PEMEGANG TARUH DAN PELANGGAN





2.6 SEMPADAN RISIKO

Sempadan Penerimaan Risiko

Sempadan penerimaan risiko bermaksud tahap tertentu sesuatu risiko yang berlaku dapat diterima oleh sesebuah organisasi. Sekiranya insiden risiko yang berlaku itu berada dalam lingkungan yang boleh diterima, tindakan kawalan akan diambil secara pentadbiran. Namun, jika insiden risiko tersebut berada pada tahap tidak boleh diterima MPKj perlu mempunyai strategi kawalan dalam mencegah insiden dari berlaku atau mengurangkan kesan dari insiden sekiranya berlaku.

Sempadan Penerimaan Risiko adalah berdasarkan seperti skala di bawah:

TAHAP RISIKO	SKALA TAHAP RISIKO	PENERANGAN TAHAP RISIKO
T	20 - 25	Risiko sangat besar, operasi tidak boleh dilaksanakan atau diteruskan sehingga tahap risiko dapat dikurangkan. Pelan tindakan terperinci diperlukan dan diberi perhatian oleh pihak pengurusan MPKj
B	12 - 19	Risiko besar, pelan tindakan terperinci diperlukan
S	5 - 11	Risiko sederhana, diurus dan diberi perhatian oleh pihak yang dipertanggungjawabkan
R	1 - 4	Risiko rendah, diuruskan mengikut prosedur sedia ada

Berdasarkan Sempadan Penerimaan Risiko di atas, MPKj telah bersetuju dengan ketetapan berikut:

- Insiden-insiden risiko dalam skala 1 hingga 7 adalah risiko yang boleh diterima dan akan diuruskan dengan menggunakan mekanisme sedia ada;
- Manakala skala 8 hingga 25 adalah tahap risiko yang tidak boleh diterima. MPKj akan membina strategi kawalan yang sesuai bagi insiden-insiden risiko tersebut.

2.7 INDEKS IMPAK

Indeks Impak merujuk kepada indikator yang menerangkan kesan ke atas empat (4) faktor iaitu **Manusia**, **Reputasi**, **Kewangan**, dan **Operasi** akibat daripada sesuatu insiden risiko. MPKj telah bersetuju untuk menetapkan bahawa insiden risiko yang melibatkan pejabat ini dikategorikan mengikut 4 jenis risiko iaitu manusia, reputasi, kewangan dan operasi. Kesan insiden risiko organisasi ini dikelaskan kepada 5 peringkat iaitu **Sangat Kecil**, **Kecil**, **Sederhana**, **Besar** dan **Sangat Besar** mengikut konteks dan tanggungjawab jabatan ini. Indeks Impak yang akan digunakan dalam penilaian risiko adalah seperti berikut:

FAKTOR	SANGAT KECIL 1	KECIL 2	SEDERHANA 3	BESAR 4	SANGAT BESAR 5
Manusia	Memberi kesan terhadap individu	Memberi kesan terhadap unit/ bahagian	Memberi kesan terhadap jabatan	Memberi kesan terhadap MPKj	Memberi kesan terhadap negeri
Reputasi	Reputasi terjejas dan menimbulkan rasa tidak puas hati orang perseorangan	Reputasi terjejas dan menimbulkan rasa tidak puas hati kumpulan/ organisasi	Reputasi terjejas sehingga menimbulkan kritikan orang awam/ komuniti	Reputasi terjejas sehingga mendapat liputan media	Reputasi terjejas sehingga rakyat hilang keyakinan kepada MPKj
Kewangan	Kerugian sehingga RM20,000 atau kurang 10% daripada nilai / pulangan projek	Kerugian RM20,000 sehingga RM100,000 atau 11% - 20% daripada nilai / pulangan projek	Kerugian RM100,000 sehingga RM500,000 Atau 21% - 30% daripada nilai / pulangan projek	Kerugian RM500,000 sehingga RM1 juta atau 31% - 40% daripada nilai / pulangan projek	Kerugian melebihi RM1 juta atau melebihi 40% daripada nilai / pulangan projek
Operasi	Perkhidmatan / pemantauan lewat tetapi masih boleh disempurnakan (kurang 24 jam)	Perkhidmatan / pemantauan lewat tetapi masih boleh disempurnakan (1-7 hari)	Perkhidmatan / pemantauan lewat tetapi masih boleh disempurnakan (8 - 30 hari)	Perkhidmatan / pemantauan lewat tetapi masih boleh disempurnakan (1 bulan - 6 bulan)	Perkhidmatan / pemantauan tidak dapat disempurnakan / melebihi 6 bulan
Perundangan	Tuntutan sehingga RM50,000.00	Tuntutan RM50,000.01 – RM100,000.00	Tuntutan RM100,000.01 – RM500,000.00	Tuntutan RM500,000.01 – RM1 juta	Tuntutan melebihi RM1 juta

2.8 INDEKS KEBARANGKALIAN

Indeks Kebarangkalian merujuk kepada indikator yang akan menerangkan kadar kemungkinan sesuatu kejadian risiko itu berlaku di sesebuah agensi.

MPKj telah bersetuju untuk mengelaskan insiden risiko kepada 5 tahap skala kekerapan iaitu skala 1 bagi insiden risiko yang **Jarang** berlaku iaitu sekali bagi tempoh melebihi 5 tahun sehingga kepada insiden yang paling kerap atau **Hampir Pasti** berlaku pada skala 5 iaitu kejadian kerap / hampir pasti berlaku / berlaku setiap hari. Indeks Kebarangkalian yang akan digunakan dalam penilaian risiko adalah seperti berikut:

SKALA PENARAFAN	KETERANGAN	KADAR
HAMPIR PASTI	Sesuatu kejadian yang kerap / hampir pasti berlaku / berlaku setiap hari	5
KEMUNGKINAN TINGGI	Sesuatu kejadian yang besar kemungkinan berlaku / berlaku sekali dalam masa 1 bulan - 6 bulan	4
ADA KEMUNGKINAN	Sesuatu kejadian yang kemungkinan berlaku / berlaku sekali dalam masa 6 bulan – 12 bulan	3
KEMUNGKINAN RENDAH	Sesuatu kejadian yang rendah kemungkinan berlaku / berlaku sekali dalam masa 1 tahun – 5 tahun	2
JARANG	Sesuatu kejadian yang jarang berlaku / berlaku melebihi 5 tahun	1

3.0 MEKANISME PENGURUSAN RISIKO

3.1 JAWATANKUASA INDUK

STRUKTUR DAN TADBIR URUS PENGURUSAN RISIKO MAJLIS PERBANDARAN KAJANG (MPKj)

Jawatankuasa Induk Pengurusan Risiko (JIPR), Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)

CHIEF RISK OFFICER (CRIO)
Yang Dipertua, Majlis Perbandaran
Kajang

PENGERUSI (Risk Champion)
Timbalan Yang Dipertua, Majlis
Perbandaran Kajang

AHLI – AHLI (Risk Officers)

- Jabatan Khidmat Pengurusan
- Jabatan Kejuruteraan
- Jabatan Perancangan Pembangunan
- Jabatan Perbendaharaan
- Jabatan Penilaian
- Jabatan Pengurusan harta
- Jabatan Landskap dan Rekreasi
- Jabatan Undang-Undang
- Jabatan Penguatkuasaan
- Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan
- Jabatan Pelesenan & Penjaja
- Jabatan Kawalan Bangunan
- Jabatan Pesuruhjaya bangunan (COB)
- Jabatan Pembangunan Masyarakat

AHLI-AHLI (Risk Officers)

- Unit Pusat Setempat (OSC)
- Unit Perancangan Korporat dan Perhubungan Awam
- Unit Audit Dalam
- Unit Integriti
- Unit Pengurusan Projek
- Bahagian Teknologi Maklumat
- Bahagian HRMIS
- Bahagian Perolehan dan Bekalan
- Bahagian Pentadbiran Am dan Keurusetiaan
- Bahagian Sumber Manusia
- Bahagian Hasil
- Bahagian Pengurusan Aset

URUS SETIA
Kualiti dan Inovasi, UKK

3.2 JAWATANKUASA PERLAKSANA

Jawatankuasa Pelaksana Pengurusan Risiko (JPPR) Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)

PENGERUSI (*Risk Champion*)

Timbalan Yang Dipertua Majlis
Perbandaran Kajang

SETIAUSAHA

Pengarah, Unit Perancangan Korporat
dan Perhubungan Awam

AHLI – AHLI (*Risk Officers*)

- Jabatan Khidmat Pengurusan (JKP)
- Jabatan Kejuruteraan (KEJ)
- Jabatan Perancangan Pembangunan (JPP)
- Jabatan Perbendaharaan (KEW)
- Jabatan Pengurusan Harta (JPH)
- Jabatan Penilaian (JPN)
- Jabatan Landskap dan Rekreasi (JLR)
- Jabatan Undang-Undang (JUJ)
- Jabatan Penguatkuasaan (PGK)
- Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan (JPK)
- Jabatan Pelesenan dan Penjaja (JPL)
- Jabatan Kawalan Bangunan (JKB)
- Jabatan Pesuruhjaya bangunan (COB)
- Jabatan Pembangunan Masyarakat (JPM)

AHLI-AHLI (*Risk Officers*)

- Unit Pusat Setempat (OSC)
- Unit Perancangan Korporat dan Perhubungan Awam (UKK)
- Unit Audit Dalam (UAD)
- Unit Integriti dan Transperansi (UIT)
- Unit Pengurusan Projek dan Fasiliti (UPF)
- Bahagian Teknologi Maklumat
- Bahagian HRMIS
- Bahagian Pengurusan Kontrak dan Ukur Bahan
- Bahagian Pentadbiran Am dan Pengurusan Aset
- Bahagian Sumber Manusia
- Bahagian Hasil

URUS SETIA

Kualiti dan Inovasi, UKK



3.3 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

Peranan dan Tanggungjawab Jawatankuasa Induk Pengurusan Risiko (JIPR), MPKj

1. Meluluskan pengurusan risiko MPKj;
2. Memantau pelaksanaan pengurusan risiko MPKj
3. Mengadakan mesyuarat penyelarasan atau setara dengannya bersama
4. JPPR MPKj sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun;
5. Mengisytiharkan bencana/ krisis; dan
6. Meluluskan penambahbaikan pengurusan risiko kajian semula mengikut keperluan atau sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun.

Peranan Jawatankuasa Pelaksana Pengurusan Risiko (JPPR), MPKj

1. Melaporkan isu-isu berkaitan pengurusan risiko;
2. Memastikan dasar-dasar pengurusan risiko dilaksanakan mengikut perancangan yang ditetapkan;
3. Memperakukan cadangan penambahbaikan pengurusan risiko kepada JIPR; dan
4. Mengadakan mesyuarat pemantauan pengurusan risiko atau mesyuarat yang setara dengannya MPKj mengikut keperluan atau sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun.

Peranan Chief Risk Officer (CRiO), MPKj

1. Meluluskan Pelan Pengurusan Risiko;
2. Memantau dan menyelia pengurusan risiko MPKj; dan
3. Merancang hala tuju pengurusan risiko MPKj.



Peranan Risk Champion, MPKj

1. Meneliti semua laporan Bahagian/Unit dan; pengurusan risiko Jabatan/Bahagian/Unit; dan
2. Mengesahkan dan meluluskan semua pengurusan risiko di peringkat JPPR untuk diangkat kepada pengurusan atasan.

Peranan Risk Officers, MPKj

1. Mengenal pasti risiko, ancaman dan impak yang dihadapi oleh setiap Jabatan/ Bahagian/ Unit;
2. Membangun, mengemaskini dan memantau pengurusan risiko Jabatan/Bahagian/ Unit supaya sentiasa lengkap dan terkini;
3. Menilai, menganalisa, mengklasifikasi dan mengenal pasti impak risiko di setiap Jabatan/ Bahagian/ Unit;
4. Mewakili dan mengetuai bahagian masing-masing dalam menangani dan mengawal risiko di peringkat Jabatan/ Bahagian/Unit;
5. Mencadangkan kepada JPPR bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan pengurusan risiko agensi; dan
6. Melaporkan keputusan yang dibuat oleh JPPR kepada Jabatan/ Bahagian / Unit masing-masing.

RISIKO

4.1 PROSES



Mengenalpasti risiko: Apakah kemungkinan yang akan berlaku?

Menganalisis risiko: Apakah impak dan tahap keberangkalian risiko boleh berlaku?

Menilai risiko: Apakah manfaat yang berpotensi dan hasil yang merugikan?

Mengawal risiko: Apakah yang perlu dilakukan untuk mengurangkan risiko?

Memantau dan kajian semula: Adakah kawalan risiko berkesan dan berubah?



4.2 PENILAIAN RISIKO

Mengenalpasti Risiko

Tujuan langkah ini adalah untuk mendapatkan insiden-insiden risiko yang memberi impak kepada prestasi dan pencapaian objektif MPKj dalam penyampaian perkhidmatan. Insiden-insiden risiko yang dikenalpasti perlu disenaraikan dalam daftar risiko.

Menganalisis Risiko

Tujuan langkah ini adalah untuk melihat kebarangkalian berlakunya risiko (*likelihood*) dan juga potensi impak ke atas MPKj. Akibat dan kebarangkalian boleh digabungkan untuk mendapatkan jangkaan tahap risiko, dalam nilai tertentu melalui kaedah kuantitatif.

Menganalisis risiko merupakan sesuatu yang subjektif dan banyak bergantung kepada penilaian dan pertimbangan pegawai, kakitangan dan ahli jawatankuasa Induk (JIPR) dan Pelaksana (JPPR) Pengurusan Risiko MPKj. Hasil dapatan daripada proses analisis risiko ini akan menentukan risiko sesuatu insiden sama ada dalam tahap **Tinggi (T)**, **Besar (B)**, **Sederhana (S)** atau **Rendah (R)** dengan menggunakan Matriks Kebarangkalian, Impak dan Penentuan Strategi Kawalan Risiko.

Menilai Risiko

Insiden risiko yang telah dianalisis dan ditentukan tahap risikonya akan dikategorikan dalam langkah seterusnya. Insiden-insiden risiko akan disusun mengikut tahap risiko mengikut keutamaan daripada **Tinggi (T)**, **Besar (B)**, **Sederhana (S)** atau **Rendah (R)**. Langkah ini akan memperlihatkan dengan jelas susunan risiko yang perlu diberi perhatian khusus bersesuaian dengan had penerimaan risiko (*risk appetite*) yang telah dipersetujui.

Impak →

		Sangat Kecil	Kecil	Sederhana	Besar	Sangat Besar	
		1	2	3	4	5	
kebarangkalian	5	Hampir pasti	Cegah (5)	Cegah (10)	Cegah atau Mitigasi (15)	Cegah dan Mitigasi (20)	Cegah dan Mitigasi (25)
	4	Kemungkinan tinggi	Mitigasi (4)	Cegah (8)	Cegah atau Mitigasi (12)	Cegah atau Mitigasi (16)	Cegah dan Mitigasi (20)
	3	Ada kemungkinan	Mitigasi (3)	Cegah (6)	Cegah (9)	Cegah atau Mitigasi (12)	Cegah atau Mitigasi (15)
	2	Kemungkinan rendah	Mitigasi (2)	Mitigasi (4)	Cegah (6)	Cegah (8)	Cegah (10)
	1	Jatang	Mitigasi (1)	Mitigasi (2)	Mitigasi (3)	Mitigasi (4)	Cegah (5)

Matriks Kebarangkalian, Impak dan Penentuan Strategi Kawalan Risiko

	Tinggi (T)
	Besar (B)
	Sederhana (S)
	Rendah (R)


(Diadaptasi dari Standards Australia Risk Management AS/NZS 4360: 2004)

4.3 KAWALAN RISIKO

Mengawal Risiko

Bagi insiden risiko yang perlu diberi perhatian khusus, langkah-langkah strategi kawalan yang bersesuaian perlu dirangka. Langkah ini adalah untuk menggariskan pilihan strategi kawalan risiko dan sebagai panduan kepada pegawai dan kakitangan MPKj terlibat dalam mengambil tindakan sewajarnya bersesuaian dengan persekitaran dan kewangan semasa dalam menangani risiko tersebut.

Berdasarkan Model dan Kerangka Proses Pengurusan Risiko, terdapat dua (2) kategori tindakan kawalan utama iaitu **Kawalan Pencegahan** dan **Kawalan Mitigasi** yang merangkumi empat (4) pilihan strategi kawalan risiko iaitu **Mengelak**, **Memindah**, **Mengurang** dan **Menerima** risiko seperti rajah berikut:





4.4 PEMANTAUAN DAN KAJIAN SEMULA

Memantau dan Kajian Semula Risiko

Pemantauan dan kajian semula dilaksanakan secara berkala bertujuan untuk menguruskan risiko yang wujud dalam situasi yang berbeza.

Kaedah pemantauan dan kajian semula dalam pengurusan risiko adalah seperti berikut:

- Memastikan langkah-langkah strategi kawalan yang dipilih dalam pengurusan risiko perkhidmatan utama bagi sesuatu insiden itu adalah tepat;
- Menilai semula sama ada strategi kawalan risiko yang dipilih sebelum ini masih relevan;
- Memastikan program atau langkah dalam dokumen pengurusan risiko MPKJ dilaksanakan mengikut ketetapan yang terkandung dalam dokumen tersebut;
- Menilai tahap risiko yang mungkin berubah dalam persekitaran organisasi mengikut keadaan semasa;
- Memastikan strategi komunikasi telah dilaksanakan dengan menyeluruh dan komprehensif;
- Memastikan sumber yang mencukupi dalam organisasi bagi menangani risiko; dan
- Memaklumkan status terkini berhubung pengurusan risiko kepada *stakeholders*.



4.5 PEMANTAUAN DAN KAJIAN SEMULA

Jawatankuasa Pelaksana Pengurusan Risiko (JPPR) yang ditubuhkan di bawah tadbir urus pengurusan risiko adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan proses pemantauan dan kajian semula pengurusan risiko semua Jabatan/ Bahagian/ Unit MPKj. Hasil dapatan dari pemantauan dan kajian semula pengurusan risiko semua Jabatan/ Bahagian/ Unit perlu dilaporkan kepada Jawatankuasa Induk Pengurusan Risiko (JIPR) MPKj.

Pemantauan dan kajian semula perlu dilaksanakan secara menyeluruh dalam proses pengurusan risiko. Perkara ini perlu dititikberatkan berikutan ia sangat kritikal dalam menentukan sama ada sesuatu pelan pengurusan risiko telah memenuhi tujuan asal ia diwujudkan atau dibangunkan iaitu untuk membantu MPKj menghadapi ancaman risiko.



4.6 KOMUNIKASI

Komunikasi dan Perbincangan

Komunikasi yang melibatkan pengurusan tinggi dengan seluruh warga agensi melalui mekanisme kedua-dua Jawatankuasa Induk dan Pelaksana Pengurusan Risiko yang diwujudkan dalam MPKj membolehkan perancangan dan tindakan yang berkesan dapat diambil bagi mencegah dan melakukan tindakan mitigasi ke atas insiden-insiden risiko MPKj. Komunikasi melalui pendekatan perbincangan sangat berkesan bagi memastikan aktiviti-aktiviti penting kepada pengurusan risiko berdasarkan kerangka yang telah ditetapkan.

Komunikasi dan perbincangan dalam pengurusan risiko penting bagi:

- Melaksanakan Dokumen Pengurusan Risiko Perkhidmatan Utama yang telah dibangunkan;
- Mendokumentasikan semua mesyuarat dan perbincangan dengan stakeholders;
- Menyebarkan Pengurusan Risiko Perkhidmatan Utama kepada warga organisasi; dan
- Meningkatkan kesedaran dalam kalangan warga MPKj berkenaan Dokumen Pengurusan Risiko Perkhidmatan Utama.

Jawatankuasa Pelaksana Pengurusan Risiko (JPPR) yang ditubuhkan di bawah tadbir urus pengurusan risiko adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan proses komunikasi dan rundingan. Hasil dan keputusan berkaitan dengan proses ini perlu dibincangkan dalam Bengkel Semakan Pengurusan Risiko dan dibentangkan dalam Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) MPKj.

Komunikasi dan rundingan adalah satu proses yang berterusan dan dilaksanakan pada setiap proses pengurusan risiko iaitu bermula dari proses penetapan risiko diikuti dengan penilaian risiko yang merangkumi mengenal pasti dan menganalisis risiko seterusnya proses terakhir iaitu menangani risiko. Kaedah ini penting bagi memastikan setiap proses pengurusan risiko dapat dimanfaatkan sepenuhnya dalam menguruskan risiko.



5.0 PENUTUP

Pelan Pengurusan Risiko MPKj merupakan panduan kepada warga MPKj bagi menilai dan seterusnya menangani risiko yang tidak dijangka. Melalui Pelan Pengurusan Risiko, MPKj bukan sahaja dapat mengekalkan kecemerlangan sebagai sebuah organisasi yang proaktif dan bersedia untuk berkhidmat malah akan dapat melonjakkan organisasi ini sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT) yang berwibawa dalam kepimpinan dan perkhidmatan pengurusan. Komitmen padu seluruh warga MPKj dalam melaksanakan Pelan Pengurusan Risiko ini adalah faktor penyumbang kepada pencapaian objektifnya. Pelaksanaan Jawatankuasa Pelan Pengurusan Risiko MPKj pula merupakan pemangkin kepada kejayaan penerbitan Pelan Pengurusan Risiko. Sebagai kesimpulan, perancangan dan pelaksanaan Pelan Pengurusan Risiko telah membawa MPKj kepada PBT yang berkualiti dalam menyediakan perkhidmatan perbandaran yang cekap dan berkualiti bagi memastikan penduduk dalam Pentadbiran MPKj menikmati kehidupan yang selamat dan selesa. Di samping itu, proses penambahbaikan dan semakan semula pelan perlu dilaksanakan dari semasa ke semasa supaya sesuai dengan cabaran dan polisi-polisi baru yang digubal pada masa akan datang.



MAJLIS PERBANDARAN
KAJANG

PELAN PENGURUSAN RISIKO MAJLIS PERBANDARAN KAJANG TERBITAN VERSI 2.4 TAHUN 2023

